

Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my
Putrajaya

Dah tua ganas lagi

Harian metro
21102015
ms 64

■ 279 kes keganasan rumah tangga dilaporkan babit warga emas

Memeranjatkan apabila terdapat 279 kes keganasan rumah tangga yang berlaku dari Januari hingga Ogos tahun ini membabitkan warga emas berusia 60 tahun ke atas.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, dalam tempoh tiga tahun sebelum ini iaitu dari 2012 hingga 2014, Kementerian tidak pernah menerima laporan keganasan rumah tangga membabitkan golongan itu, namun tahun ini, pihaknya menerima laporan yang membabitkan pelbagai keganasan.

“Mungkin baru sekarang golongan ini terbuka hati dan berani untuk membuat laporan mengenai keganasan rumah tangga yang dialami mereka, berbanding sebelum ini, mereka bertindak mendiamkan diri.

“Kami berpendapat tindakan ini (melaporkan kes) adalah hasil kejayaan kempen yang dilaksanakan Kementerian bagi menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan melaporkan

kes keganasan rumah tangga kepada pihak berkuasa supaya kejadian itu ditangani,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Kempen 90 Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2015, semalam.

Rohani berkata, menurut statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), 3,343 kes keganasan rumah tangga dilaporkan bagi tempoh sama dengan 2,528 membabitkan wanita manakala 815 lagi terhadap lelaki.

Katanya, antara punca yang menyebabkan kes ini berlaku adalah perselisihan faham dengan 2,511 kes; ugutan (339 kes), masalah wang (192 kes), masalah anak (90 kes), mabuk (84 kes) dan dadah (23 kes).

Beliau berkata, Selangor mencatatkan kes paling tinggi iaitu 519, diikuti Johor

(429), Kelantan (402), Kedah (359), Negeri Sembilan (247), Sabah (216) dan Pulau Pinang (214 kes).

“Keganasan rumah tangga membabitkan penderaan fizikal, mental, sosial dan ekonomi menyebabkan mangsa mengalami trauma yang lebih rumit, biasanya mangsa memilih untuk tidak melepaskan diri kerana takut terhadap pelaku, selain berdepan tekanan sosial terutama ahli keluarga dan rakan.

Katanya, antara bantuan yang boleh diambil adalah menghubungi perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan 365 hari setahun untuk memaklumkan mengenai kes penderaan, pembuangan bayi, kaunseling dan aduan keganasan rumah tangga.

FAKTA
3,343 kes
keganasan rumah
tangga dilaporkan
dari Januari
hingga Ogos



ROHANI menunjukkan Buku Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah tangga selepas pelancaran Kempen 90 Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita di Auditorium Cempaka Sari, Putrajaya.